



MEDIA STATEMENT

Kuala Lumpur, 23 October 2015

MIDF Tubuh Pusat Tuisyen Untuk Murid-Murid Golongan Asnaf

Perlis, 24 Februari 2015 – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Jabatan Pelajaran Negeri Perlis (JPN Perlis) telah menubuhkan sebuah pusat tuisyen untuk murid-murid dari golongan asnaf yang bakal menduduki peperiksaan UPSR pada September ini.

Kelas tuisyen yang diadakan dari pukul 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari pada setiap Sabtu bermula dari bulan Mac akan bertempat di Taman Desa Asnaf, Batu Bertangkup, Chuping. Pusat tuisyen tersebut yang dibakal dikenali dengan nama Pusat Celik Minda MIDF-MAIPs-JPN Perlis telah dilancarkan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis selaku Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) pada hari ini. Sebagai permulaan, seramai 40 orang murid-murid golongan asnaf telah dipilih dari 5 buah sekolah di sekitar Perlis iaitu: SK Batu Bertangkup, SK Bukit Keteri, SK Seri Tunjong, SK Panggas serta SK Beseri. Enam daripada murid-murid tersebut juga merupakan penduduk di Taman Desa Asnaf Batu Bertangkup.

MIDF akan membiayai semua kos pengurusan dan operasi Pusat Celik Minda termasuk penggajian tenaga pengajar.

JPN Perlis berperanan dalam pemilihan 40 murid yang bakal memulakan pembelajaran di pusat tuisyen tersebut serta menyediakan tenaga pengajar. Tenaga pengajar di pusat tuisyen ini terdiri dari guru-guru cemerlang yang di pilih oleh JPN Perlis.

MAIPs pula berperanan untuk pengurusan harian Pusat Celik Minda serta menyediakan pengangkutan untuk murid-murid. Makanan serta minuman di pusat tuisyen tersebut akan disediakan oleh kaum wanita yang tinggal di Taman Desa Asnaf. Secara tidak langsung, program pusat tuisyen ini juga membantu menyediakan peluang pekerjaan bagi kaum wanita di kawasan perumahan yang didiami oleh golongan asnaf.

“Tujuan kami dalam penubuhan pusat tuisyen ini untuk membantu meningkatkan taraf pendidikan anak-anak dari keluarga asnaf miskin dan fakir. Hanya dengan peningkatan ini, dapat kita membantu memperkasakan ekonomi keluarga-keluarga yang terlibat,” kata Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Dato’ Mohd. Najib Hj. Abdullah. “Pendidikan yang cemerlang merupakan aset yang paling berharga yang boleh kami berikan kepada anak-anak ini dan oleh yang demikian, MIDF berniat untuk memainkan peranan dalam menyediakan tempat pembelajaran yang selesa dan kondusif bagi mereka yang bakal menduduki peperiksaan USPR.”

Projek pusat tuisyen ini merupakan kesinambungan usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) MIDF di Perlis yang bermula pada tahun 2010 dengan penyerahan 30 buah rumah sumbangan MIDF di bawah Program Rumah Murni MIDF kepada golongan miskin tegar, diikuti dengan 19 buah rumah lagi dalam tahun 2012. Manakala di bawah Program Pendidikan Murni MIDF pula, MIDF telah menyerahkan 7 tadika Islam serta membantu membina dewan makan di sebuah sekolah agama dan menyumbang 100 komputer terpakai bagi kegunaan beberapa sekolah agama di sekitar negeri Perlis.

Selain itu, MIDF pernah menyerahkan sumbangan berjumlah RM50,000 yang merupakan hasil daripada Jualan Amal MIDF-Baitulmal Perlis yang telah berlangsung di Kompleks C-Mart, Arau pada tahun 2011. Jualan Amal tersebut merupakan hasil kerjasama yang julung kali dianjurkan oleh badan korporat seperti MIDF dan Baitulmal Perlis. Ianya bertujuan untuk mengumpul dana bagi disalurkan kepada rakyat miskin

dan badan-badan kebajikan di sekitar negeri Perlis yang memerlukan bantuan. Sumbangan RM50,000 tersebut telah diagihkan kepada Maahad At Tarbiyah Al Islamiyah (MATRI), Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Perlis, Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, Maahad Tahfiz Al-Quran Nurul-Saadah Lil-banat dan Keluarga Pelajar-pelajar Perlis di Mesir.

MIDF turut membina sebuah dewan serbaguna di Kaherah, Mesir bagi kegunaan pelajar Malaysia. Tahun lalu MIDF telah menyerahkan sebuah Dewan Kuliyyah yang bertempat di Bohor Temak dan dikendalikan oleh MAIPs.

“Kami di MIDF bersyukur kerana diberi peluang untuk melaksanakan inisiatif CSR kami di Perlis dan berharap agar bantuan yang disediakan diterima dengan baik oleh rakyat Perlis dan InsyaAllah, kami akan terus berusaha untuk masyarakat yang memerlukan bantuan,” kata Dato’ Mohd. Najib. “Dengan tertubuhnya pusat Celik Minda ini, kami harap pencapaian UPSR dikalangan anak-anak asnaf fakir & miskin akan meningkat dan membolehkan mereka meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah berasrama penuh atau sekolah-sekolah berprestasi tinggi.” tambah Dato’ Mohd. Najib lagi.

Delegasi MIDF bersama MAIPs yang diketuai DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis meneruskan acara tersebut dengan program berbasikal sejauh 12 kilometer di sekitar kawasan Batu Bertangkup. Sembilan keluarga asnaf telah menerima sumbangan dari pihak MIDF serta MAIPs yang disampaikan oleh DYTM Raja Muda Perlis.

###



Mengenai MIDF

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) merupakan sebuah kumpulan syarikat kewangan bersepadu yang terdiri daripada Jabatan Kewangan Pembangunan yang berhubungan terus dengan MITI, MIDF Amanah Investment Bank Berhad dan MIDF Amanah Asset Management Berhad. MIDF yang dimiliki penuh oleh Permodalan Nasional Berhad, menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan kompetitif dan dinamik dari aspek skim bantuan SME, pelaburan amanah saham korporat dan perbankan pelaburan korporat. Berikutan penggabungan MIDF dengan Amanah Capital Partners Berhad pada tahun 2003, pembelian Utama Merchant Bank Berhad (UMBB) pada 2004 dan pembentukan MIDF Amanah Investment Bank Berhad, Kumpulan MIDF kini muncul sebagai sebuah syarikat yang lebih teguh dan kukuh.